

Headline	Menghijau bekas bekas lombong timah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	218,251
Page No	32,33	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	1435 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,397
Frequency	Daily	PR Value	RM 55,191



Menghijau bekas-bekas lombong timah

Sebanyak 8,000 batang anak pokok daripada 30 spesies hutan ditanam di Stesen Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di Bidor (SPF Bidor), Perak oleh para sukarelawan.

SEORANG peserta program menanam pokok di SPF Bidor.

SALAH sebuah kawasan yang berjaya dipulihkan oleh pihak FRIM.

SEBANYAK 30 spesies pokok hutan berjaya ditanam oleh sukarelawan.

DIANGGARKAN lebih 10 spesies pokok bakul bernilai komersial terdapat di SPF Bidor.

TUPAI merupakan salah satu spesies haiwan liar yang mendiami lokasi ini.

SEBAGIAN daripada urus setia yang terbit sepanjang program tersebut berlangsung.

SULTAN NAZRIN menanam pokok merawan bunga sebagai tanda ingatan selepas majlis perasmian.

PENGANJUR berharap program ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan alam semulajadi.

SPF Bidor merupakan kawasan bekas lombong bijih timah pertama di negara ini berjaya diujikan secara sistematik.

SARIKAT peruncit utama dari Jepun, AEON Co. (M) Bhd bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk menjalankan program Forest Tree Biodiversity Planting (FTBP) di Stesen FRIM di Bidor (SPF Bidor), Perak.

Program yang disertai lebih 1,000 sukarelawan yang terdiri daripada pelajar universiti, pelajar sekolah, wakil-wakil pihak berkuasa tempatan, pekerja AEON, rakan niaga dan pelanggan AEON itu bertujuan mewujudkan Hutan Persahabatan Malaysia-Jepun di SPF Bidor selain menyumbang kepada usaha berterusan FRIM dalam memulih dan menghijau semula kawasan bekas lombong bijih timah itu.

Sepanjang program satu hari itu, sebanyak 8,000 batang pokok daripada 30 spesies hutan lindung 15 spesies dipterokarpa dan 17 bukan dipterokarpa berjaya di tanam oleh sukarelawan.

FRIM membolehkan stesen penyelidikan untuk penanaman semula spesies-spesies pokok hutan di kawasan bekas lombong seluas 1214 hektar itu sejak tahun 1996 selepas mendapat kelulusan daripada kerajaan negeri Perak.

Melalui penanaman pokok-pokok spesies hutan menggunakan teknologi terkini, FRIM berjaya membongkarkan sebuah kawasan hutan buatan manusia yang mempunyai pokok-pokok kayu bernilai komersial dan menjadi habitat hidupan liar.

Dianggarkan lebih daripada 10 spesies pokok bakul yang bernilai komersial antaranya scacia manung, merbau (*Intsia palembanica*), merawan siput jantan (*Hopea odorata*), malabero (*Agave crumata*) dan nyatoh (*Palauquim zipp*).

Selain itu, SPF Bidor juga merupakan habitat kepada lebih daripada 70 spesies hidupan liar di kawasan tersebut termasuk burung penghijrah, burung endemik, tupai, haiwan musang, musang nyet dan liar.

Majlis Perasmian Program FTBP disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang turut memohon duai memana pokok merawan bunga (*Hopea pubescens*) sebagai tanda ingatan.

Sementara itu, ketika ucapan perasmian, Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abdul Latif Mohdrid menyampaikan penghargaan terhadap sumbangan AEON kepada usaha FRIM dalam menghijaukan semula kawasan tersebut.

Kata beliau, FRIM telah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan kebangsaan serta antarabangsa. Ia hasil penglibatan dan sumbangannya terhadap usaha pemuliharaan serta penanaman semula kawasan bermasalah.

Kegiatan FRIM menghijaukan semula kampung

FRIM di Kepong dikira dengan pewartannya sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 2009 dan pengisytiharannya sebagai Warisan Kebangsaan pada 2012.

"Saya berharap usaha penghijauan semula SPF Bidor akan membuahkan hasil yang sama," katanya sambil memaklumkan bahawa ia adalah kawasan bekas lombong bijih timah pertama di Malaysia yang berjaya ditanam semula secara sistematik.

Turut hadir di majlis perasmian ialah Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan yang juga Ahli Parlimen (Tampar) serta Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Mokel Ali Mokhammad Nor.

Pengerusi AEON Co. (M) Bhd., Datuk Abdullah Mohd. Yusoff berkata, pihaknya sentiasa komited untuk meneruskan misi pemuliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Kata beliau, melalui pengantaraan program sedemikian, AEON berharap dapat menghijaukan kembali hutan selain meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemuliharaan alam semula jadi.

"Selari dengan prinsip asas AEON, Peace, People and Community kami berharap dapat memberi lebih tumpuan kepada isu alam sekitar dan kemasyarakatan.

"Ia juga sebahagian daripada acara sarbutan ulang tahun ke-30 AEON dan sebagai tanda terima kasih kami kepada pelanggan setia," katanya.

AEON berjaya menanam hampir 500,000 batang pokok di seluruh Malaysia dan 10 juta pokok di seluruh dunia.

Program penanaman pokok oleh AEON di negara ini bermula ketika majlis pembukaan cawangan AEON di Air Keroh, Melaka pada tahun 1991.

Antara projek penanaman semula terbesar yang dianggarkan oleh AEON termasuk di Paya Indah Wetland, Dengkil, Selangor apabila 25,000 batang pokok berjaya ditanam. Reforestation & Rehabilitation of Orang Utan's Habitat in Sabah (1000 batang pokok) dan Firefly Park in Kuala Selangor (1,000 batang pokok).